

## ASTRONOMI DALAM KEBUDAYAAN ORANG ASLI

Nurul Fatini Jaafar

[nurulfatinijaafar@gmail.com](mailto:nurulfatinijaafar@gmail.com)

+6012 413 9153

---

\*Makalah ini dibentangkan sempena program Bicara@Muzium “Ilmu Langit Orang Asli, Khazanah yang Dilupakan” di Muzium Negara pada 15 Ogos 2017

Kajian ini telah dilaksanakan bagi menyediakan data sokongan bertitik tolak daripada dapatan penyelidikan mtDNA terhadap orang Melayu yang saling berkait dengan orang Asli, serta geografi kepulauan Asia Tenggara yang terbina di atas Pentas Sunda yang tenggelam di bawah paras laut.

Dapatan kajian lapangan etnografi secara kualitatif bagi merekod unsur-unsur astronomi dalam masyarakat orang Asli membuktikan sememangnya terdapat persamaan dalam pandangan semesta antara orang Melayu dan orang Asli. Ilmu berkenaan jasad-jasad samawi ini juga didapati tidak terhad di Semenanjung Malaysia sahaja sebaliknya turut melibatkan Borneo dan Filipina, mencadangkan kepada kita bahawa orang Asli, orang Melayu dan etnik-etnik di Indonesia dan Filipina asalnya adalah serumpun yang kemudiannya terpisah akibat proses perubahan dalam kebudayaan termasuklah bencana banjir besar yang menenggelamkan Pentas Sunda.

Makalah ini hanya akan membincangkan dua jasad samawi yang terkenal bukan sahaja di Kepulauan Melayu malah turut menjadi penanda alam bagi pelbagai tamadun seluruh dunia, khusus dalam kerja pertanian, perburuan dan penandaan musim.

Jasad langit pertama ialah ‘*belantik*’. Perkataan ‘*belantik*’ boleh didapati dalam etnik Negrito yang bermaksud perangkap untuk binatang bersaiz sederhana dan besar menggunakan kayu berhujung tajam seperti tombak. Istilah ‘*belantik*’ dalam masyarakat Melayu juga merujuk kepada perangkap jenis yang sama, malah lebih menarik lagi, telah dijelmakan sebagai salah satu buruj di langit. Buruj ialah sekumpulan bintang yang membentuk seolah-olah imej sesuatu objek, dan terdapat 88 buruj telah dipetakan di langit jika mengikut tamadun Yunani. ‘*Belantik*’ bukan salah satu daripada 88 buruj ini kerana ‘*Belantik*’ merupakan buruj dalam tamadun Melayu. Setakat kajian ini dibuat, 33 buruj asli Kepulauan Melayu telah ditemui, dua daripadanya merupakan milik Orang Asli.

Orang Asli Semelai di POS Iskandar, Tasik Bera, Pahang mengecam bintang-bintang yang sama seperti dalam buruj ‘*Belantik*’ sebagai ‘*Bintang Pèh*’. Dalam situasi perburuan sebenar, mata ‘*peh*’ dipanggil ‘*mot*’ diperbuat daripada buluh jenis temiang beruas panjang. ‘*Mot*’ di langit diwakili oleh tiga bintang yang dinamakan dalam bahasa Arab iaitu ‘*Alnitak*’ ( $\zeta$ -Ori), ‘*Alnilam*’ ( $\epsilon$ -Ori) dan ‘*Mintaka*’ ( $\delta$ -Ori). ‘*Bintang Pèh*’ akan terlihat di langit semasa ‘*periantan penungguan*’ yakni tempoh sekitar tiga bulan menunggu masaknya padi di huma. Selain menanam jagung, tebu dan ubi kayu serta mengambil upah perburuhan, orang lelaki Semelai menjadikan alamat ‘*pèh*’ di langit sebagai petanda musim memerangkap kijang dan kancil yang lazimnya sedang bunting.

Buruj dengan imej perangkap haiwan jenis mata tombak ini bukan sahaja wujud dalam masyarakat Melayu Proto Semelai (*Bintang Pèh*) dan Melayu Moden (*Belantik*) sahaja. Etnik

Dayak Meratus di Kalimantan juga menggambarkan kumpulan bintang yang sama sebagai perangkap dipanggil ‘*Baur Bilah*’ manakala puluhan etnik di Filipina memanggilnya dengan beberapa variasi nama seperti ‘*Balatik*’ (Magahat, Bilaan, Bagobo dll.), ‘*Belatik*’ (Manobo), ‘*Gendaw Belatik*’ (Subanen), ‘*Bayatik*’ (Mandaya), ‘*Batik*’ (Jama Mapun, Sama-Bajau) dan ‘*Binawagan Magsasawad*’ (Palawan). Kisah yang terakam di sebalik buruj ini juga berbeza kerana melibatkan seorang pemburu mahsyur yang telah berjaya memerangkap seekor babi hutan yang mencuri sebutir bintang di ‘*Karantika*’ (*Pleiades*).

Objek kedua pula dikenali sebagai ‘*Bintang Tujuh*’ dalam kalangan orang Melayu. Jika dirujuk penamaan Barat, ‘*Bintang Tujuh*’ merupakan gugusan bintang jenis terbuka bernama ‘*Pleiades*’ Kemasyhuran bintang ini telah diabadikan dalam serangkap pantun yang berbunyi:

Bintang tujuh tinggal enam,  
Jatuh sebiji di Majapahit;  
Hilang sepuh tinggal senam,  
Baru ku tahu emas tak baik.

Dalam temuramah bersama salah seorang batin serta penghulu di POS Iskandar, orang Semelai turut menyebut kluster bintang ini sebagai ‘*Bintang Tujuh*’. Mereka juga memanggilnya ‘*Bintang Keranchong*’ yang bermaksud najis haiwan jenis kancil. Pengecaman bintang ini dibuat berpandukan jaraknya yang tidak jauh daripada ‘*Bintang Pèh*’. Seperti mana perangkap yang kelihatan semasa ‘*penungguyan*’, ‘*Bintang Keranchong*’ juga muncul pada tempoh yang hampir sama menandakan bulan-bulan tersebut merupakan musim memerangkap kancil berdasarkan panduan ‘*keranchong*’ di langit.

Bagi orang Melayu Proto Temuan, gugusan bintang ini bernama ‘*Bintang Lunga*’. Kenampakannya di langit menandakan musim buah-buahan di hutan mula masak seperti buah rotan, kerangi dan tampoi. Pesawah di utara Semenanjung juga merujuk bintang ini sebagai ‘*Bintang Tujuh*’ atau pun ‘*Bintang Ketika*’. Sudut dongakan bintang ini di langit dijadikan panduan untuk mengecam aktiviti persawahan. Jika di Filipina, tujuh butir bintang yang kelihatan pada mata kasar di kluster ini divisualkan sebagai kumpulan lalat yang menghurung rahang babi yang sedang mereput.

\*\*Senarai lengkap 33 buruj Alam Melayu terkandung dalam makalah bertajuk Kebudayaan Langit Pribumi Malayonesia yang akan diterbitkan dalam Jurnal KESTURI Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) sekitar tahun ini.